

# **EMANSIPASI GURU SEKOLAH MENENGAH MELALUI KAJIAN TINDAKAN**




**MELATI BINTI JILON**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

# **EMANSIPASI GURU SEKOLAH MENENGAH MELALUI KAJIAN TINDAKAN**

**MELATI BINTI JILON**



**UMS**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTIPSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2016**

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

20 Mac 2015

---

Melati Binti Jilon  
PT20109059



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **MELATI BINTI JILON**

NO. PELAJAR : **PT20109059**

TAJUK : **EMANSIPASI GURU SEKOLAH MENENGAH MELALUI KAJIAN TINDAKAN**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

TARIKH VIVA : **23 SEPTEMBER 2015**

**DISAHKAN OLEH;**

1.

**PENYELIA**

Prof. Madya Dr. Hamzah Md. Omar



Tandatangan

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. **PENYELIA BERSAMA**

Dr. Khalid Johari

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali rasa penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya tesis ini dapat disiapkan untuk memenuhi keperluan untuk memperolehi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya khususkan kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Hamzah Md. Omar yang telah banyak membantu, memberikan motivasi dan sokongan, membimbing dan sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada saya. Kesabaran, kepercayaan dan keyakinan yang beliau berikan kepada saya walaupun menghadapi kesusahan dan kepenatan ketika membaca dan memeriksa tetapi beliau sentiasa memberikan panduan yang berterusan kepada saya sehingga tesis ini dapat disiapkan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada co-supervisor Dr. Khalid Johari dan para pensyarah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah yang telah banyak menabur ilmu kepada saya. Juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama berkongsi segala ranjau hidup pahit dan manis sebagai pelajar dalam menuntut ilmu, khusus kepada sahabatku, Dewi Isma Madzlan, akhirnya kejayaan menjadi milik kita aamiin....

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada tujuh orang guru yang bertugas di beberapa buah sekolah di negeri Sabah kerana sudi menjadi peserta kajian saya, begitu juga kepada kakitangan FPP, kakitangan perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah atas kebenaran untuk membuat rujukan sepanjang kursus ini. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Jabatan Pelajaran Sabah kerana memberi kebenaran menjalankan kajian ini.

Kesekian kalinya saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan saya kepada Allahyarhamah ibunda tercinta Masliah Merabong dan Allahyarham adindaku Suhazly Lidin yang tidak berkesempatan berkongsi kejayaan dan kegembiraan ini. Al-Fatihah. Buat Bapa-bapaku yang tersayang Jilun Sungit dan Lidin Matahir, Mummy June, Kakak ku Hartini, adik-adikku Ila, Boy, Ida, Arul, Didi, Ati dan Adik, terima kasih atas sokongan dan doa kalian.

Akhir sekali, penghargaan ini juga istimewa untuk suami ku Shamsul Omar dan anak-anak ku yang tersayang Nurhidayah, Redzuan, Firdaus dan Danial yang amat memahami kesibukan dan keterbatasan masa mama, dan sentiasa berada berada di belakang mama untuk memberi galakkan dan perangsang yang tidak pernah berbelah bahagi, terima kasih buat segalanya.

Melati Binti Jilon

02 April 2016

## **ABSTRAK**

Tesis yang dihasilkan ini berkisar tentang kajian kes yang memfokuskan tentang amalan kajian tindakan oleh guru sekolah menengah di negeri Sabah. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka tentang amalan kajian tindakan guru sekolah menengah di negeri Sabah terhadap pengembangan emansipasi guru untuk melakukan transformasi pengurusan pengajaran di bilik darjah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes secara kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian ini dikategorikan sebagai multisite studies kerana mempunyai kes dan tempat kajian yang lebih daripada satu. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan teknik analisis dalam kes (Within-Case analysis) sebelum dianalisis semula secara bersilang kes (Cross-Case analysis). Data dianalisis menggunakan analisis Tematik (Thematic Analysis) yang mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak tema dalam data. Penentuan sampel adalah berdasarkan reka bentuk persampelan bertujuan. Kajian ini melibatkan tujuh orang guru yang bertugas di tujuh buah sekolah menengah di negeri Sabah. Dapatkan kajian menunjukkan amalan kajian tindakan oleh guru mampu untuk mengembangkan emansipasi guru dan seterusnya melakukan transformasi pengurusan pengajaran di bilik darjah. Amalan kajian tindakan dapat merealisasikan transformasi pengurusan pengajaran guru di bilik darjah. dengan mempamerkan tentang keupayaan para guru untuk mempersoalkan tentang amalan sendiri, berfikir secara kritikal, menekankan nilai kesamarataan dan prinsip demokratik terhadap amalan masing-masing di bilik darjah. Walaupun emansipasi merupakan istilah yang abstrak tetapi dalam konteks kajian ini proses pengembangan emansipasi guru diterjemahkan menerusi maknanya secara konkrit dengan wujudnya transformasi pengurusan pengajaran oleh guru di bilik darjah. Apa yang pasti para guru yang mengamalkan kajian tindakan berupaya untuk merealisasikan transformasi pengurusan pengajaran masing-masing di bilik darjah sekaligus mengaplikasikan perubahan terhadap amalan seiring dengan arus globalisasi masa kini.

**Kata kunci :** Amalan Kajian tindakan, Emansipasi Guru, Transformasi Pengurusan Pengajaran, Mempersoalkan tentang amalan, Pemikiran Kritikal, Nilai Kesamarataan, Prinsip Demokratik.

## **ABSTRACT**

### **EMANCIPATION OF SECONDARY SCHOOL TEACHER THROUGH ACTION REVIEW**

*This case study research is focus on action research practises among secondary school teachers in Sabah. The main focus of this research is to investigate and to assess the action reasearch practises among secondary school teachers on expanding teachers' emancipation in implementing the tranformation of teaching management practises in classroom. This study using qualitative interview techniques, observation and document analysis as data collection methods and was analysed using Within-Case analysis and Cross-Case analysis. Whilst, Thematic Analysis was used to investigate, to analyze and to report the pattern of theme in data collected. Sampling technic is based upon purposive sampling and selected seven secondary school teachers in Sabah. This research was categorized as multisite study with multiple sites.. Research finding revealed teachers' action research practices could expanding teachers emancipation and applying teaching management transformation in classrom. Action research practises able to form their teaching management transformation in classroom to build critical thinking of teachers with the ability to question their own teaching practices in the classroom. The teachers were also able to encourage their equal values and democratic principle while applying changes with their practices in the classroom. Emancipation is an abstract terms but in this study, teachers' emancipation is defined as practical action upon change in transformation of teaching management in the classroom. Hence, teahers who practising action reseach able to build teaching management in classroom and applying changes on their own practises.*



**Key Words:** *action research practises, teacher emancipation, teaching management transformation, questioning their practises, critical thinking, Equality value, democratic principle*

## ISI KANDUNGAN


	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Soalan kajian	7
1.6 Objektif kajian	7
1.7 Kerangka kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Batasan Kajian	11
1.10 Definisi Operasional	11
1.10.1 Amalan Kajian Tindakan	11
1.10.2 Emansipasi Guru	12
1.10.3 Transformasi Pengurusan Pengajaran	13
1.11 Rumusan	13

<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.1 Pengenalan	15
2.2 Amalan Kajian Tindakan dan Guru	16
2.2.1 Sejarah Perkembangan Kajian Tindakan	17
2.2.2 Definisi dan Konsep Amalan Kajian Tindakan	20
2.2.3 Ciri-Ciri dan Jenis-Jenis Kajian Tindakan	27
2.2.4 Kajian Tindakan Teknikal ( Technical Action Research)	30
2.2.5 Kajian Tindakan Praktikal ( Practical Action Research)	30
2.2.6 Kajian Tindakan Kritikal( Critical Action Research)	32
2.3 Amalan Kajian Tindakan dan Emansipasi Guru	34
2.4 Amalan Kajian Tindakan dan Transformasi Pengurusan pengajaran	40
2.4.1 Amalan Reflektif	41
2.4.2 Kemahiran Berfikir	47
2.4.3 Pengetahuan Profesional	49
2.4.4 Kemahiran Praktikal	52
2.5 Teori-Teori yang berkaitan	53
2.5.1 Teori kritikal Sosial ( Teori Emansipasi)	54
2.5.2 Teori Pembelajaran Dewasa (Transformasi Pengurusan Pengajaran)	56
2.5.3 Teori Motivasi Maslow (Pengurusan Pengajaran)	60
2.6 Model-Model yang berkaitan	62
2.6.1 Model Kajian Tindakan- Kritikal Pembebasan	62
2.6.2 Model Perubahan Guru	65
2.6.3 Model Pengurusan Pengajaran	66
2.7 Kerangka Teoritikal Kajian	69
2.8 Kajian Lepas tentang Amalan Kajian Tindakan	72
2.8.1 Kolaboratif melalui Penyertaan	74
2.8.2 Pemerolehan Pengetahuan	77
2.8.3 Perubahan Sosial (Amalan)	78
2.8.4 Mengupayakan Potensi Individu	79
2.9 Rumusan	81

<b>BAB 3: METODOLOGI</b>	83
3.1 Pengenalan	83
3.2 Paradigma Kajian	83
3.3 Kajian kes	85
3.4 Pemilihan Peserta dan Tempat Kajian	89
3.4.1 Latar Belakang Peserta Kajian	91
3.4.2 Latar Belakang Tempat Kajian	92
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	93
3.5.1 Peringkat Awal	93
3.5.2 Peringkat Pertengahan	95
3.5.3 Peringkat Akhir	95
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	95
3.6.1 Soal selidik	96
3.6.2 Temu bual Separa Berstruktur	96
3.6.3 Pemerhatian	102
3.6.4 Analisis Dokumen	104
3.7 Pengurusan dan Penganalisisan Data	106
3.7.1 Analisis Dalam Kes (Within-case analysis) dan Analisis Bersilang Kes Cross-case analysis)	109
3.7.2 Analisis Tematik (Thematic Analysis)	110
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	114
3.8.1 Kreditabiliti (creditability)	115
3.8.2 Kebolehpindahan (Transferability)	116
3.8.3 Kebolehbergantungan(Dependability)	117
3.8.4 Pengesahan (Confirmability)	118
3.9 Etika Kajian	118
3.10 Kajian Rintis	119
3.11 Rumusan	120
<b>BAB 4 : ANALISIS DALAM KES</b>	122
4.1 Pengenalan	122
4.2 Profil PK1 dan Sekolah Menengah 1(SM1)	122

4.3	Peserta Kajian 2	147
4.4	Peserta Kajian 3	169
4.5	Peserta Kajian 4	186
4.6	Peserta Kajian 5	208
4.7	Peserta kajian 6	229
4.8	Peserta Kajian 7	253
<b>BAB 5: ANALISIS BERSILANG KES</b>		277
5.1	Pengenalan	277
5.2	Pengklasifikasian Kategori Semua Kes	279
	Sedar dan Kritis terhadap Amalan sendiri	
	Memberi Makna kepada Pengalaman	
	Bentuk Penyertaan di Sekolah	
	Fokus Mencari Sebab untuk Menyelesaikan Masalah	
	Menghormati dan Mengambil kira Hak Setiap Individu	
	Fokus Untuk Memahami dan Membangunkan Kapasiti Amalan	
	Peluang Mengembangkan Potensi dan Pembangunan Diri	
5.3	Pengklasifikasian tema berdasarkan sub-kategori dan kategori untuk semua kes	295
5.4	Rumusan	297
<b>BAB 6 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		299
6.1	Pengenalan	299
6.2	Amalan Kajian Tindakan terhadap Pengembangan Emansipasi	299
	Guru dalam Pengurusan Pengajaran di Bilik Darjah	
	Mempersoalkan tentang Amalan	
	Pemikiran kritikal dan Kreatif	
	Konsep Kesamarataan	
	Prinsip Demokratik	
6.3	Amalan Kajian Tindakan terhadap Transformasi Pengurusan Pengajaran Di Bilik Darjah.	327
6.4	Amalan Kajian Tindakan di Sabah (Malaysia)	331

6.5	Implikasi kepada Kurikulum	333
	Inovasi Kurikulum	
6.6	Implikasi Kepada Sekolah	335
	Wujudnya keadilan sosial di Sekolah	
6.7	Implikasi Kepada Guru	336
	Kesedaran Kritikal Guru terhadap Amalan Sendiri	
6.8	Cadangan	337
	Kajian Lanjutan	
	Guru sebagai Penyelidik di Sekolah	
6.9	Rumusan	339
<b>BIBLIOGRAFI</b>		343
<b>LAMPIRAN</b>		355




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 2.1: Definisi Kajian Tindakan Mengikut Tema Asas	22
Jadual 2.2: Teori kritisal sosial (Emansipasi)	56
Jadual 3.1: Profil Peserta kajian	92
Jadual 3.2: Profil Sekolah	93
Jadual 3.3: Individu yang terlibat dalam Kajian	91
Jadual 3.4: Jadual Fasa-Fasa Dalam Temu bual	98
Jadual 3.5: Jadual Sesi Temu bual	100
Jadual 3.6: Jadual Sesi Pemerhatian	104
Jadual 3.7: Fasa-Fasa dalam Analisis Tematik	111
Jadual 3.8: Jadual Analisis Data	113
Jadual 5.1: Sub-Kategori (Refleksi Di Bilik Darjah)	281
Jadual 5.2: Sub-Kategori (Pengalaman)	283
Jadual 5.3: Sub-Kategori (Bentuk Penyertaan)	285
Jadual 5.4: Sub-Kategori (Menyusun P&P Di Bilik Darjah)	287
Jadual 5.5: Sub-Kategori (Pengetahuan Profesional Guru Di Bilik Darjah )	290
Jadual 5.6: Sub-Kategori (Kemahiran Guru )	292
Jadual 5.7: Sub-Kategori (Kemahiran Praktikal Guru)	294
Jadual 5.8: Jadual Pengklasifikasian Tema Berdasarkan Kategori dan Sub-Kategori daripada Kes	296

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1.1: Kerangka Kajian	8
Rajah 2.1: Peringkat-Peringkat Kajian Tindakan	25
Rajah 2.2: Tiga Jenis Kajian tindakan	29
Rajah 2.3: Mod Kajian Tindakan Teknikal	30
Rajah 2.4: Model Kajian Kritis Pembebasan (Grundy,1982)	64
Rajah 2.5: Model Perubahan Guru	65
Rajah 2.6: Model Pengurusan Pengajaran dalam bilik darjah	67
Rajah 2.7: Kerangka Teoritikal Kajian	70
Rajah 3.1: Triangulasi kajian	88
Rajah 3.2: Model Aliran Analisis Data	107
Rajah 3.3: Proses-Proses Menjalankan Kajian Kes (Emansipasi)	112
Rajah 4.1: Rumusan Kajian Kes	276
Rajah 5.1: Prosedur Analisis Kajian Kes	279
Rajah 6.1: Jenis Refleksi Guru di Bilik Darjah	300
Rajah 6.2: Pengetahuan dan Kemahiran Berasaskan Pengalaman	309



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>P&amp;P</b>	- Pengajaran dan Pembelajaran
<b>KPM</b>	- Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>TB</b>	- Temu bual
<b>SK</b>	- Soalan Kajian
<b>PK1</b>	- Peserta kajian 1
<b>PK2</b>	- Peserta kajian 2
<b>PK3</b>	- Peserta kajian 3
<b>PK4</b>	- Peserta kajian 4
<b>PK5</b>	- Peserta kajian 5
<b>PK6</b>	- Peserta kajian 6
<b>PK7</b>	- Peserta kajian 7
<b>SM4</b>	- Sekolah Menengah 1
<b>SM2</b>	- Sekolah Menengah 2
<b>SM3</b>	- Sekolah Menengah 3
<b>SM4</b>	- Sekolah Menengah 4
<b>SM5</b>	- Sekolah Menengah 5
<b>SM6</b>	- Sekolah Menengah 6
<b>SM7</b>	- Sekolah Menengah 7

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A:	BORANG PERSETUJUAN KAJIAN KES	355
LAMPIRAN B:	PROTOKOL TEMU BUAL PESERTA KAJIAN	356
LAMPIRAN C:	PROTOKOL RINGKASAN BUKTI DOKUMEN	357
LAMPIRAN D:	PROTOKOL PEMERHATIAN	358
LAMPIRAN E:	SOAL SELIDIK	359
LAMPIRAN F:	SOALAN TEMUBUAL	363
LAMPIRAN G:	ANALISIS DALAM KES (MATRIK)	365
LAMPIRAN H:	ANALISIS TRANSKRIP	374
LAMPIRAN I:	ANALISIS TEMATIK	380
LAMPIRAN J:	DATA PEMERHATIAN	385
LAMPIRAN K:	SOAL SELIDIK ( BAHAGIAN B)	388
LAMPIRAN L:	ANALISIS DOKUMEN	391
LAMPIRAN M:	SURAT PERMOHONAN PENYEMAKAN DAN PENGESAHAN KONSISTENSI DATA DARIPADA PAKAR DALAM KAJIAN	392
LAMPIRAN N:	SURAT KEBENARAN PENYELIDIKAN (BPPDP)	393
LAMPIRAN O:	SURAT KEBENARAN PENYELIDIKAN (JPNS)	394
LAMPIRAN P:	PENULISAN DALAM JURNAL	395
LAMPIRAN Q:	SURAT KEBENARAN PEMBENTANGAN	396
LAMPIRAN R:	SEMINAR	397
LAMPIRAN S:	EMAIL DARI PENGANJUR SEMINAR	398

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sistem pendidikan yang berorientasikan pembebasan perlu direalisasikan di sekolah untuk perubahan sosial dan keadilan sosial di bilik darjah bagi mengelak berlakunya eksloitasi, penindasan dan ketidakadilan sosial serta ketidaksamaan di bilik darjah (Ayers, 2004). Greene (1988) menyatakan kebebasan dalam konteks pendidikan merujuk kepada kebebasan terhadap pemikiran dan tindakan tanpa kawalan orang lain bagi setiap keputusan yang diambil. Kebebasan terhadap pemikiran bermaksud keupayaan para guru untuk membebaskan diri sendiri daripada sekatan, kawalan atau kuasa orang lain untuk mencapai hak sama rata dan keadilan sosial dalam sistem sosial yang ada khususnya dalam aspek pengajaran di bilik darjah. Pembebasan bukan sahaja membebaskan diri daripada penguasaan konteks atau persekitaran tetapi juga mengubah masyarakat dan mencapai kuasa yang sama dan kawalan di dalam masyarakat (Boog, 2003).

Para guru perlu sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang terkini untuk meningkatkan kualiti pendidikan semasa dengan sentiasa merenung, meneliti, menyoal, menyelidik dan membuat kritikan terhadap amalan sendiri dengan membuat refleksi tentang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah agar dapat menambah baik amalan pengajaran guru agar sejajar dengan perkembangan keintelektualan masa kini. Justeru itu amalan kajian tindakan mampu memberi ruang pemikiran yang kritikal kepada para guru untuk meneliti rutin, amalan dan matlamat (McNiff, 2005). Ini kerana amalan kajian tindakan membolehkan para guru untuk menjana ilmu sendiri, meneliti, memahami serta menambah baik amalan sendiri di bilik darjah. Ia menjadikan para guru mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir (intelektual) dan bebas tanpa terikat atau terbelenggu dengan kekangan-kekangan yang ada dipersekutaran

sekaligus mampu menterjemahkan kurikulum yang sedia ada mengikut konteks semasa di bilik darjah.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Amalan kajian tindakan merupakan penyelidikan pendidikan yang memerlukan penyelesaian berbentuk inkuiiri bagi meningkatkan kapasiti amalan para guru terhadap kualiti pendidikan khususnya di bilik darjah (Elliot, 1981). Justeru itu para guru terlibat sepenuhnya dengan penyelidikan dan menjadi penyiasat yang kreatif bagi menyelesaikan masalah P&P di bilik darjah. Situasi sebegini sudah pasti mengembangkan lagi kesedaran kritikal para guru untuk mengadakan transformasi bagi menambah baik pengurusan pengajaran sekaligus mampu menterjemahkan kurikulum yang sedia ada di sekolah bersesuaian dengan konteks semasa di bilik darjah. Amalan kajian tindakan membolehkan para guru lebih reflektif, kritis, sensitif pada transformasi (Elliot, 1991). Schon (1987) juga menambah bahawa amalan kajian tindakan mampu memberi ruang, peluang kepada para guru untuk menjana ilmu sendiri melalui pemerhatian, pemahaman serta refleksi tentang diri dan amalannya serta menjadi seorang pengamal yang reflektif.

Amalan kajian tindakan mampu memberi kesedaran kritikal para guru terhadap masalah-masalah dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ini kerana kajian tindakan sememangnya sesuai dengan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang bersifat setempat (*natural setting*) dan unik. Eilks dan Ralle (2002), dalam Mamlok-naaman R.M dan Eilks, (2011) menyatakan bahawa emansipasi guru berkembang melalui amalan kajian tindakan di bilik darjah. Ini kerana amalan kajian tindakan menjadi satu cara untuk merealisasikan idea Habermas tentang emansipasi setiap individu dalam sesebuah organisasi seperti di sekolah (Grundy, 1982). Konsep emansipasi ini berkembang berasaskan kerangka teori kritikal oleh Jurgen Habermas (1974) yang menekankan isu emansipasi dengan memperkasakan individu melalui kesedaran kritikal tentang struktur yang menghalang kebebasan dalam diri setiap individu.

Justeru itu Grundy (1982) mengembangkan konsep emansipasi menerusi model Kajian tindakan pembebasan (*Emancipatory Action Research*) yang menekankan konsep kritikal menerusi amalan kajian tindakan dengan penyertaan secara kolektif setiap individu dalam setiap transformasi yang dilakukan. Apa yang pasti Grundy turut meneruskan ideologi pelopor kajian tindakan iaitu Kurt Lewin (1946) yang menekankan tentang keadilan sosial dan menentang ketidaksamarataan melalui amalan kajian tindakan. Grundy (1982) menekankan tentang tiga idea utama tentang emansipasi setiap individu menerusi amalan kajian tindakan iaitu kesedaran kritikal, mengambil kira kekangan-kekangan yang ada serta fokus terhadap pembangunan diri.

Ayers (2004) pula menyatakan dalam konteks pendidikan di bilik darjah, kesedaran kritikal para guru menerusi penyertaan secara kolektif terhadap pembangunan amalan masing-masing menunjukkan wujudnya pengembangan emansipasi guru terhadap amalannya di bilik darjah. Ini kerana menurut McNiff dan Whitehead (2005) kajian tindakan adalah kajian berbentuk emansipasi, kerana mempunyai dua elemen penting iaitu *empowerment* dan *participatory* yang diperlukan bagi setiap transformasi yang dilakukan. Pada asasnya amalan kajian tindakan memberi *empowerment* kepada para guru agar lebih bebas dan berkeyakinan untuk menentukan amalan mereka sendiri (Mertler, 2011). *Empowerment* bermaksud keupayaan setiap individu untuk membuat keputusan tentang amalan pengajaran berdasarkan data yang diperolehi tentang pelajar dan bilik darjah. Keputusan yang dibuat adalah hasil daripada refleksi amalan sendiri, perkongsian pengalaman dan idea daripada rakan sekerja melalui amalan kajian tindakan (Mertler, 2011).

Ini bermakna amalan kajian tindakan mampu mengembangkan emansipasi guru untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa pembelajaran di bilik darjah. Ini kerana menurut McNiff (1988) amalan kajian tindakan menjadikan para guru sentiasa sedar dan bersifat kritikal tentang amalan-amalan yang dilakukan dan bersedia untuk melakukan transformasi untuk menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Amalan kajian tindakan membolehkan para guru untuk meneliti amalan pedagogi dan pentaksiran masing-masing bagi

meningkatkan keberkesanannya dalam pengajaran dengan menjana idea-idea baharu terhadap amalan pengajaran khususnya dalam konteks pengurusan pengajaran guru di bilik darjah. Ini bermakna amalan kajian tindakan mampu membebaskan para guru daripada kongkongan kaku terhadap amalan-amalan rutin serta dapat meningkatkan amalan profesional. Ini sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Ayers (2004) bahawa emansipasi guru bermakna kebebasan yang mencakupi pembangunan kesedaran kritisikal para guru terhadap amalan pengajaran masing-masing di bilik darjah.

Walau bagaimanapun apa yang menjadi persoalannya apakah para guru yang mengamalkan kajian tindakan dalam konteks negara kita Malaysia mampu untuk melakukan transformasi pengurusan pengajaran masing-masing di bilik darjah. Kajian ini dilakukan untuk meneroka tentang amalan kajian tindakan oleh guru terhadap pengembangan emansipasi masing-masing dan seterusnya melakukan transformasi pengurusan pengajaran di bilik darjah. Menurut Ayers (2004) emansipasi guru tidak dapat dinilai secara abstrak, sebaliknya kita perlu membayangkan maknanya dalam bentuk konkret dan praktikal. Justeru itu kajian ini ingin melihat bagaimanakah amalan kajian tindakan mampu menggerakkan para guru untuk mengadakan transformasi pengurusan pengajaran di bilik darjah. Apa yang pasti pengembangan emansipasi guru dikenal pasti menerusi transformasi pengurusan pengajaran oleh guru di bilik darjah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Penyediaan kurikulum dalam sesebuah negara sememangnya lebih didominasi oleh pihak pusat dan yang pasti ia sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Situasi sebegini mengembangkan lagi ketergantungan guru dan sekolah kepada pihak pusat yang menyebabkan para guru menghadapi kesukaran untuk membuat transformasi di sekolah (Halinger, 2002). Walau bagaimanapun dalam konteks negara kita perubahan kurikulum masa kini telah mula memberi ruang kepada para guru dan sekolah untuk melaksanakan kurikulum sesuai dengan konteks semasa di bilik darjah. Ini kerana sebagai pelaksana kurikulum di peringkat sekolah, para guru harus merasakan bahawa mereka mempunyai autonomi untuk melaksanakan kurikulum mengikut kesesuaian di bilik darjah.

Persoalannya apakah para guru mampu untuk melakukan transformasi dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah seiring dengan kurikulum yang disediakan. Abdul Rahim (2007) menyatakan bahawa para guru menghadapi kesukaran untuk mencapai transformasi intelektual dan lebih suka untuk bersikap menghabiskan sukan pelajaran dan tidak berusaha meningkatkan keberkesan dalam amalan pengajaran di bilik darjah. Habib Mat Som (2005) juga menyatakan bahawa para guru di sekolah seboleh yang mungkin ingin mengelak daripada terlibat secara aktif dalam pelaksanaan transformasi di sekolah kerana mereka akan terpaksa mempelajari kemahiran dan pengetahuan yang baharu dan terpaksa menghadiri kursus, seminar dan taklimat yang berkaitan dari semasa ke semasa. Ini kerana setiap individu amat sukar untuk membuat transformasi (Fullan dan Miles ,1992) kerana wujudnya perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan mereka yang sedia ada kepada amalan yang baharu atau dalam erti kata yang lain sukar bagi guru tersebut untuk mengubah kebiasaan mereka. Situasi sebegini akan menyebabkan kualiti pengajaran di sekolah akan turut terjejas disebabkan tidak ada penambahbaikan dan pembaharuan yang dilakukan. Apa yang pasti para guru yang sebegini tidak berupaya mengembangkan tahap pemikirannya pada tahap optimum agar dapat menterjemahkan kurikulum yang disediakan mengikut konteks semasa di bilik darjah.

Permasalahan utama yang membawa kepada kajian ini adalah merujuk kepada situasi para guru di Malaysia yang mempunyai masalah untuk mentafsirkan kurikulum yang sedia ada mengikut konteks semasa di bilik darjah. Permasalahan utama kajian ini berpunca daripada kelesuan intelektual para guru dalam menyediakan pengurusan pengajaran yang seiring dengan keperluan semasa di bilik darjah. Kelesuan intelektual merujuk kepada pemikiran para guru yang tidak berkembang, jumud dan terlalu terikat dengan ideologi dan pemikiran yang kurang berasaskan rasionalisme dan pemikiran kritis (Abd.Rahim, 2007). Ia berpunca daripada wujudnya sikap *conformity* dalam diri para guru di sekolah. Sikap Conformity bermaksud pematuhan atau akur sama ada dalam bentuk tindakan seperti sikap, kepercayaan dan tingkah laku kepada norma-norma dalam kumpulan atau nilai-nilai etika dalam kumpulan (McLeod, 2007). Sikap ini merujuk kepada

kepercayaan dan tingkah laku para guru di sekolah yang mengabaikan tindakan yang lebih realistik. Para guru yang sebegini mempunyai corak pemikiran yang mengabaikan konsep ketelusan dalam berfikir terhadap sesuatu perkara dan terpaksa bersetuju kerana patuh kepada nilai-nilai etika dalam kumpulan. Situasi ini berlaku di sekolah untuk mengelak berlakunya penolakan sosial dalam sesebuah organisasi seperti di sekolah. Ini kerana dalam konteks negara kita Malaysia para guru masih mempunyai masalah untuk mentafsirkan kurikulum yang sedia ada dalam pelbagai konteks di bilik darjah dengan situasi pelajar yang berbeza (Othman Lebar, 2012). Situasi sebegini akan menyebabkan kualiti pengajaran di sekolah terjejas kerana ketandusan inovasi dan kreativiti para guru dalam menghadapi situasi pembelajaran yang kompleks di bilik darjah masa kini.

Walau bagaimanapun amalan kajian tindakan di negara-negara luar sememangnya banyak mempengaruhi transformasi perkembangan profesionalisme guru khususnya dalam menyusun atur pengurusan pengajaran di bilik darjah. Ia mampu meningkatkan pengetahuan dan pedagogi para guru dalam bidang masing-masing. Mereka mempunyai kuasa autonomi untuk membuat keputusan tentang idea-idea baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah menerusi perkongsian idea dan pandangan sesama mereka. Ini memberi ruang kepada para guru yang terlibat untuk melaksanakan transformasi terhadap pengurusan pengajaran masing-masing di bilik darjah tanpa bergantung sepenuhnya dengan kurikulum yang disediakan. Ia sejajar dengan pernyataan Feldman (2002) bahawa transformasi boleh dilakukan menerusi cara yang boleh difahami oleh setiap individu dan boleh dicapai melalui amalan kajian tindakan. Justeru itu kajian ini dilakukan untuk meneroka tentang pengembangan emansipasi guru melalui amalan kajian tindakan sekaligus kemampuan para guru di Malaysia khususnya di negeri Sabah yang mengamalkan kajian tindakan untuk melakukan transformasi pengurusan pengajaran di bilik darjah. Ini kerana menurut Kemmis (2006) transformasi dalam konteks pendidikan juga merujuk kepada perubahan amalan pengajaran para guru yang menunjukkan kemampuan para guru untuk mentafsirkan kurikulum yang sedia ada bersesuaian dengan konteks semasa di bilik darjah. Justeru itu kajian ini dilakukan untuk meneroka tentang amalan kajian

tindakan terhadap pengembangan emansipasi guru untuk mengadakan transformasi pengurusan di bilik darjah.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah ingin meneroka tentang amalan kajian tindakan terhadap pengembangan emansipasi guru dan menerangkan tentang kemampuan para guru yang mengamalkan kajian tindakan untuk mengadakan transformasi pengurusan pengajaran guru di bilik darjah.

#### **1.5 Soalan kajian**

- a. Bagaimakah amalan kajian tindakan dapat mengembangkan emansipasi guru dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah?
- b. Bagaimakah amalan kajian tindakan membawa kepada transformasi pengurusan pengajaran guru di bilik darjah?

Soalan-soalan susulan dan tambahan yang lain akan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut kepada isu yang ditimbulkan berdasarkan kesesuaian dan perkembangan data. Soalan-soalan kajian tersebut berfungsi memahami serta menghasilkan dapatan-dapatan baharu atau mengukuhkan dapatan sedia ada bagi menggambarkan kepentingan kajian ini.


#### **1.6 Objektif kajian**

- a. Meneroka peranan amalan kajian tindakan dalam proses pengembangan emansipasi guru dalam pengurusan pengajaran di bilik darjah.
- b. Menerangkan tentang kemampuan guru yang mengamalkan kajian tindakan untuk membuat transformasi pengurusan pengajaran di bilik darjah.

#### **1.7 Kerangka kajian**

Asas penyelidikan ini adalah berlandaskan kepada paradigma *Social-constructivism-interpretative-Critical* dimana tujuannya adalah untuk membina dan membangunkan pemahaman tentang sosial seiring dengan pengetahuan (Guba dan Lincoln, 2005). Oleh kerana kajian ini merupakan kajian interpretif yang mengandaikan manusia mencipta dan mengaitkan atau menghubungkan makna-

makna secara subjektif dengan makna-makna antarsubjektif (*intersubjective*) semasa berinteraksi dengan dunia sekeliling mereka. Justeru itu kajian ini adalah untuk meneroka dan mencari penjelasan tentang pengembangan emansipasi guru melalui amalan kajian tindakan yang diterjemahkan menerusi transformasi pengurusan pengajaran melalui makna yang telah diberikan oleh peserta kajian itu sendiri.



**Rajah 1.1 : Kerangka Kajian.**

Sumber : Grundy (1982)

Pembinaan kerangka konseptual kajian ini telah diadaptasi daripada model kajian tindakan kritis pembebasan (*Critical Emancipatory Action Research*). Model kajian tindakan ini dibina oleh Grundy (1982) berkonsepkan pembebasan kritis yang berasaskan teori kritis sosial oleh Habermas (1974). Model ini menekankan tentang pembentukkan amalan kebebasan dalam diri individu menerusi kesedaran kritis terhadap amalan untuk setiap perubahan yang ingin dilaksanakan. Teori utama yang mendominasi kajian ini ialah teori kritis sosial (Habermas, 1974). Teori ini menekankan tentang konsep emansipasi atau kebebasan individu dengan memperkasakan individu dengan kesedaran kritis untuk mengurangkan ketidak adilan dalam struktur sosial walaupun keupayaan untuk melakukannya menghadapi pelbagai kekurangan dalam bentuk sosial, budaya dan dominasi politik. Walaupun setiap individu menyedari mereka mempunyai kemampuan bertindak untuk membuat perubahan namun keupayaan mereka terbatas kerana terpaksa menghadapi pelbagai kekangan dalam aspek sosial, budaya dan dominasi politik (Grundy, 1982).